


5

Perkembangan Monetari dan Kewangan





Perkembangan Monetari dan Kewangan

Tinjauan

Dasar monetari yang akomodatif...

Dasar monetari pada tahun 2009 memberi tumpuan kepada pertumbuhan dalam persekitaran tekanan inflasi yang berkurangan dan keadaan luaran yang tidak menentu. Kadar Dasar Semalaman (OPR) diturunkan 150 mata asas kepada 2.00% bagi mengurangkan kos pinjaman. Keperluan Rizab Berkanun (SRR) diturunkan 300 mata asas bagi mengurangkan kos pengantaraan institusi perbankan. Keadaan monetari yang akomodatif, terutama kadar faedah rendah dan mudah tunai yang mencukupi telah menyokong aktiviti ekonomi melalui pembiayaan sektor swasta.

Pembiayaan sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal bertambah baik pada suku kedua selaras dengan sentimen perniagaan dan pengguna yang meningkat. Sistem perbankan kekal teguh dan memainkan peranan pengantaraan yang aktif. Beberapa langkah telah diambil untuk memastikan akses kepada pembiayaan berterusan, terutama bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Ini termasuk penyediaan dana khas dan kemudahan jaminan untuk modal kerja dan penstrukturan semula industri serta penubuhan Danajamin Nasional Berhad (Danajamin) merupakan satu Penginsurans Jaminan Kewangan untuk membantu syarikat memperoleh dana daripada pasaran modal. Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) telah diaktifkan semula sebagai langkah awalan untuk membantu syarikat menstruktur semula hutang.

Langkah liberalisasi selanjutnya diperkenalkan pada tahun 2009 untuk menambah baik daya saing jangka panjang negara bagi menggalakkan lagi

pelaburan swasta. Liberalisasi sektor kewangan meliputi langkah membenarkan kemasukan institusi asing baru, menaikkan had ekuiti asing dan meningkatkan fleksibiliti operasi. Sementara itu, deregulasi Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) termasuk memansuhkan keperluan ekuiti Bumiputera untuk syarikat tersenarai awam serta garis panduan berhubung pemerolehan ekuiti, penggabungan dan pengambilalihan.

Malaysia kekal sebagai peneraju terbitan sukuk yang merangkumi lebih daripada 60% jumlah sukuk terkumpul global. Sektor kewangan Islam mencatat pertumbuhan kukuh dengan perbankan Islam berkembang pada kadar purata tahunan sebanyak 19.0% dan takaful 24.8% sejak tahun 2001 hingga 2008. Inisiatif seperti penubuhan unit perniagaan mata wang antarabangsa, liberalisasi serta usaha berterusan untuk menyelaraskan tafsiran produk kewangan Islam akan memperkukuh lagi kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa.

Dasar Monetari

Dasar monetari menyokong pertumbuhan...

Pertumbuhan ekonomi merosot 6.2% pada suku pertama 2009 dan merupakan penguncupan pertama sejak suku ketiga 2001. Indeks Harga Pengguna (IHP) menyederhana kepada 3.7% pada suku pertama (S4 2008: 5.9%) ekoran penurunan harga minyak dan kenaikan harga barang makanan yang lebih perlahan. Berikutan pengurangan tekanan inflasi, **dasar monetari** memberi tumpuan kepada pertumbuhan.

OPR diturunkan 75 mata asas pada bulan Januari dan 50 mata asas lagi pada bulan Februari 2009 kepada 2.00%. Ini merupakan pengurangan sejumlah 150 mata asas setelah



Akta Bank Negara Malaysia 2009

Latar belakang

Sejak Akta Bank Negara Malaysia 1958 digubal, persekitaran operasi Bank Negara Malaysia telah melalui transformasi yang ketara di tengah-tengah perubahan besar dalam landskap ekonomi dan kewangan global dan domestik sejak lima dekad yang lalu. Perkembangan ini telah mengubah cara bank pusat di seluruh dunia berfungsi secara berkesan, termasuk Bank Negara Malaysia. Dari semasa ke semasa, pindaan yang perlu telah dibuat ke atas Akta Bank Negara Malaysia 1958 sejajar dengan peranan bank pusat yang semakin berkembang, terutamanya bagi memastikan kestabilan monetari dan kewangan. Namun begitu, krisis kewangan Asia yang melanda pada tahun 1997/1998 dan juga kemelut kewangan global baru-baru ini, menuntut kajian semula dijalankan secara lebih menyeluruh ke atas rangka kerja perundangan Bank Negara Malaysia yang sedia ada bagi menyediakan Bank dengan asas perundangan yang kukuh untuk masa hadapan. Akta Bank Negara Malaysia 2009 yang baru diluluskan oleh Parlimen pada bulan Julai 2009 akan memberikan kuasa kepada Bank untuk mengurus risiko dan cabaran yang baru muncul dengan lebih berkesan dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya sebagai bank pusat negara.

Sasaran Akta Bank Negara Malaysia 2009

Akta ini memberikan mandat yang lebih jelas kepada Bank serta kuasa dan instrumen yang perlu untuk melaksanakan mandat tersebut. Akta ini juga menyediakan rangka kerja tadbir urus yang lebih teguh bagi mempertingkatkan kebertanggungjawaban dan ketelusan. Selain itu, Akta ini juga menginstitusikan beberapa amalan Bank sedia ada yang telah terbukti penting untuk mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan Bank.

Mandat dan Fungsi Bank

Matlamat untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan yang kondusif kepada pertumbuhan ekonomi yang mampan merupakan sebab utama Bank diwujudkan (*raison d'être*). Dalam memperkemas matlamat dan fungsi utama Bank, Akta ini memberikan lebih kejelasan dan fokus terhadap peranan Bank sebagai sebuah bank pusat. Dalam hal ini, Akta ini telah menetapkan perkara berikut sebagai fungsi utama Bank:

- (a) merumus dan mengendalikan dasar monetari;
- (b) mengeluarkan mata wang;
- (c) mengawal selia dan menyelia institusi kewangan yang tertakluk kepada undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Bank;
- (d) mengadakan pengawasan ke atas pasaran wang dan pertukaran asing;
- (e) menjalankan pengawasan ke atas sistem pembayaran;
- (f) menggalakkan sistem kewangan yang kukuh, progresif dan inklusif;
- (g) memegang dan menguruskan rizab luar negara Malaysia;
- (h) menggalakkan rejim kadar pertukaran asing selaras dengan asas ekonomi; dan
- (i) bertindak sebagai penasihat kewangan, jurubank dan ejen kewangan Kerajaan.

Terkandung dalam matlamat dan fungsi Bank ialah matlamat utama untuk menyediakan persekitaran monetari yang stabil dan sistem kewangan yang progresif dan berdaya tahan dalam menyokong pembangunan ekonomi Malaysia. Oleh itu, untuk merealisasikan matlamat dan memastikan fungsinya dilaksanakan, Akta ini telah memperuntukkan dengan nyata bahawa Bank akan melaksanakan fungsi-fungsi tersebut demi kepentingan negara.



Kestabilan Monetari

Matlamat utama dasar monetari di bawah Akta ini adalah untuk mengekalkan kestabilan harga dan pada masa yang sama memberikan sokongan yang sewajarnya kepada pembangunan ekonomi. Dasar monetari akan dirumuskan dan dilaksanakan secara autonomi oleh Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) yang diwujudkan di bawah Akta. MPC terdiri daripada tujuh hingga 11 anggota, termasuk Gabenor dan Timbalan-Timbalan Gabenor Bank. Lembaga Pengarah Bank, atas syor Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga, boleh melantik pengarah dan pegawai Bank untuk berkhidmat sebagai anggota MPC, manakala anggota luar akan dilantik oleh Menteri Kewangan atas syor Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga. MPC dikehendaki bermesyuarat tidak kurang daripada enam kali setahun dan mesyuarat tambahan boleh diadakan sekiranya perlu.

Bagi memastikan keutuhan keputusan dasar monetari, banyak peruntukan perlindungan telah dimasukkan ke dalam Akta. Anggota MPC mestilah orang yang jujur, berkemampuan dan boleh membuat keputusan bijak dengan kepakaran dan pengalaman yang berkaitan. Dasar monetari akan hanya dirumuskan dalam mesyuarat rasmi MPC yang diadakan dengan kuorum tidak kurang daripada dua pertiga anggotanya. Pada akhir setiap mesyuarat MPC, suatu pernyataan dasar monetari akan dikeluarkan untuk memaklumkan keputusan dan rasionalnya. Lembaga Pengarah Bank diberikan kuasa untuk mengkaji semula kewajaran keputusan dasar monetari MPC untuk memastikan kestabilan monetari di Malaysia.

Rejim kadar pertukaran asing akan terus ditentukan oleh Menteri atas syor Bank. Bank akan mengendalikan operasi pertukaran asing untuk menggalakkan rejim kadar pertukaran dan pasaran pertukaran asing berfungsi dengan cekap dan berkesan.

Kestabilan Kewangan

Transformasi persekitaran kewangan antarabangsa dan domestik yang ketara memberikan cabaran baharu terhadap peranan Bank dalam mengekalkan kestabilan kewangan. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, sistem kewangan Malaysia telah menjadi lebih bersepadu dengan pasaran kewangan global, diiringi pertumbuhan inovasi kewangan dan pertumpuan pengantara kewangan serta sistem perdagangan dan penjelasan. Sepertimana kemelut kewangan antarabangsa yang berlaku baru-baru ini, punca risiko menjadi semakin tidak menentu dengan risiko penularan yang meningkat. Dalam persekitaran global sedemikian, keberkesanan pengawalseliaan kewangan dan pengurusan krisis bukan sahaja penting merentas sektor tetapi juga merentas sempadan. Akta ini memberikan peruntukan yang komprehensif untuk memastikan penyelesaian yang lancar dan teratur, sekiranya krisis kewangan tidak dapat dielakkan bagi mengurangkan kesan dan kos terhadap ekonomi domestik serta untuk mengekalkan keyakinan orang ramai.

Akta ini juga akan memperkukuh daya tahan Malaysia untuk menghadapi krisis kewangan. Peruntukan telah dibuat bagi mempertingkatkan pengawasan, langkah pencegahan awal dan kuasa penyelesaian, termasuk pemberian bantuan kecairan kepada entiti yang tidak dikawal selia oleh Bank tetapi boleh menimbulkan risiko kepada kestabilan kewangan secara keseluruhan. Akta ini juga memperuntukkan Bank untuk melaksanakan pengawasan ke atas pasaran wang dan pertukaran asing, sistem pembayaran serta mempertingkatkan pengaturan usaha sama dengan agensi pengawalseliaan yang lain.

Sejajar dengan pengukuhan rangka kerja tadbir urus dan kebertanggungjawaban yang menjadi asas Akta, penggunaan kuasa untuk mencapai kestabilan kewangan hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan (JEKK) yang ditubuhkan di bawah Akta ini. JEKK akan dianggotai oleh Gabenor, seorang Timbalan Gabenor dan sekurang-kurangnya tiga anggota lain yang akan dilantik oleh Menteri atas syor Lembaga Pengarah. Ketua Setiausaha Perbendaharaan akan menjadi anggota JEKK untuk mengendalikan perkara yang berkaitan dengan institusi kewangan yang bukan di bawah pengawalseliaan Bank. Ketua-ketua agensi penyeliaan yang lain juga akan hadir sebagai anggota JEKK untuk perkara yang berkaitan dengan institusi kewangan dan pasaran kewangan di bawah bidang kuasa masing-masing.

Selaras dengan matlamat mempromosikan Malaysia sebagai pusat antarabangsa kewangan Islam, Akta ini membenarkan sistem kewangan Islam dan konvensional beroperasi seiringan di Malaysia. Akta ini juga mempertingkatkan peranan Majlis Penasihat Syariah bagi Kewangan Islam dengan anggotanya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Menteri selepas rundingan dengan Bank.



Tadbir Urus

Peranan dan tanggungjawab bank pusat yang pelbagai dan meluas serta mempunyai kesan mendalam terhadap ekonomi dan sistem kewangan negara memerlukan rangka kerja tadbir urus yang sangat teguh. Lembaga Pengarah perlu membuat pengawasan ke atas pengurusan Bank dan mengkaji semula prestasi Bank. Sebagaimana terkandung dalam Akta Bank Negara Malaysia 1958, Gabenor dan Timbalan-Timbalan Gabenor akan terus bertanggungjawab kepada Lembaga Pengarah atas tindakan dan keputusan mereka.

Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga, Jawatankuasa Audit Lembaga dan Jawatankuasa Risiko Lembaga yang hanya dianggotai oleh pengarah bukan eksekutif akan ditubuhkan untuk membantu Lembaga Pengarah menjalankan peranan pengawasannya. Fungsi semua Jawatankuasa Lembaga tersebut adalah seperti berikut:

Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga

- mengesyorkan anggota bagi MPC dan Jawatankuasa Bank yang lain;
- memeriksa dan mengesyorkan belanjawan dan rancangan operasi Bank kepada Lembaga untuk kelulusan; dan
- bertanggungjawab bagi apa-apa perkara lain sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta ini.

Jawatankuasa Audit Lembaga

- membantu Lembaga dalam pengawasannya ke atas integriti akaun dan penyata kewangan Bank, keberkesanan sistem kawalan dalaman Bank, prestasi fungsi audit dalaman dan pematuhan dengan kehendak undang-undang dan pengawalseliaan.

Jawatankuasa Risiko Lembaga

- membantu Lembaga dalam pengawasannya ke atas kajian semula dan pengurusan risiko organisasi yang dilaksanakan oleh Bank bagi menilai dan memastikan risiko telah dikenal pasti dan diuruskan dengan sewajarnya.

Kebertanggungjawaban

Bank akan memaklumkan Menteri mengenai dasar yang berkaitan dengan matlamat utamanya dan mengemukakan kepada Menteri penyata aset dan liabiliti Bank setiap dua minggu sekali. Akaun Bank akan diaudit oleh Ketua Audit Negara. Penyata kewangan dan laporan tahunan Bank akan dibentangkan di Parlimen. Akta ini juga menghendaki Bank mengeluarkan Pernyataan Dasar Monetari, penyata aset dan liabiliti setiap dua minggu sekali serta laporan tahunan dan penyata kewangan.

Kesimpulan

Akta ini membolehkan kajian semula yang menyeluruh terhadap rangka kerja perundangan sedia ada bagi menyokong keberkesanan Bank dalam menjalankan peranan dan tanggungjawabnya sebagai bank pusat negara. Akta ini juga memberikan mandat yang lebih jelas kepada Bank dalam memelihara kestabilan monetari dan kewangan yang kondusif untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan dan menjaga kepentingan negara. Selain memberi Bank kuasa perundangan dan instrumen yang perlu, Akta ini juga memberi penekanan kepada rangka kerja tadbir urus yang teguh untuk mempertingkatkan ketelusan dan kebertanggungjawaban, lantas menyediakan asas perundangan kukuh untuk masa hadapan.

Disumbangkan oleh: Bank Negara Malaysia.



mengambil kira penurunan 25 mata asas pada bulan November 2008. SRR diturunkan 300 mata asas daripada 4.00% kepada 1.00% dari bulan Disember 2008 hingga Mac 2009 bagi mengurangkan kos pengantaraan institusi perbankan. Berikutan penunjuk ekonomi yang bertambah baik dan penurunan inflasi, OPR dikekalkan pada 2.00% sejak bulan Februari hingga Ogos 2009. Pendekatan dasar ini akan terus dinilai dengan mengambil kira risiko dan prospek terhadap pertumbuhan dan inflasi.

Dari aspek kawal selia, Akta Bank Negara Malaysia 2009 akan berkuat kuasa pada bulan November 2009. Akta ini akan memberi lebih kejelasan kepada Bank Negara Malaysia (BNM) berhubung mandat berkaitan kestabilan monetari dan kewangan. Ia memberi kuasa dan instrumen yang perlu kepada BNM untuk melaksanakan mandat tersebut.

Perkembangan Monetari

Agregat monetari berkembang sederhana...

Agregat monetari berkembang lebih perlahan dalam tempoh tujuh bulan pertama 2009. **M1 atau wang secara kecil** meningkat 6.0% pada akhir Julai 2009 (akhir 2008: 8.3%) berikutan pertambahan penempatan deposit permintaan

oleh perusahaan perniagaan. **M3 atau wang secara luas** meningkat 5.3% (akhir 2008: 11.9%) terutamanya disebabkan oleh pinjaman bank yang lebih tinggi (RM20.4 bilion) kepada sektor swasta disokong oleh kadar faedah rendah dan mudah tunai yang mencukupi. Perbelanjaan Kerajaan (RM11.4 bilion) dan aset asing bersih (RM10.5 bilion) juga mempunyai kesan pengembangan terhadap M3.

Kadar faedah kekal rendah...

Berikutan pengurangan OPR pada bulan Januari dan Februari 2009, kadar pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan jatuh kepada 5.89% pada bulan Februari 2009 dan menurun lagi kepada 5.53% pada bulan Mac. BLR terus kekal pada 5.53% ekoran OPR tidak berubah pada 2.00% sejak 24 Februari 2009. Peningkatan persaingan di kalangan institusi perbankan dalam persekitaran mudah tunai yang mencukupi telah menyebabkan kadar pinjaman purata (ALR) menurun. Sejak itu, ALR telah menurun 90 mata asas kepada tahap terendah yang pernah dicatatkan iaitu 4.96% pada bulan Julai 2009 (Disember 2008: 5.86%). Kadar deposit tetap (FD) bertempoh matang 1-bulan hingga 12-bulan juga menurun kepada 2.02% hingga 2.52% pada bulan Julai 2009 (Disember 2008: 3.01%; 3.50%). Ekoran penurunan inflasi kepada 2.4% pada bulan Ogos 2009, pulangan benar FD bagi semua tempoh matang telah meningkat.

Pembiayaan swasta berdaya tahan...

Pembiayaan kasar sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal kekal pada RM404.9 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2009 (Januari – Julai 2008: RM400.5 bilion). Pengeluaran pinjaman menurun 2.4% kepada RM362.9 bilion (Januari – Julai 2008: 19.4%; RM371.7 bilion) disebabkan oleh pengeluaran pinjaman yang lebih perlahan kepada sektor perniagaan. Walau bagaimanapun, terbitan sekuriti hutang swasta (PDS) yang tinggi pada RM30.3 bilion (Januari – Julai 2008: RM24.7 bilion) dan pengembangan kukuh terbitan ekuiti berjumlah RM11.7 bilion (Januari – Julai 2008: RM4.1

JADUAL 5.1

Faktor Penentu M3 Januari – Julai

	Perubahan (RM juta)	
	2008	2009
M3	79,955.5	29,060.9
Tuntutan bersih ke atas Kerajaan	4,340.3	11,416.3
Tuntutan ke atas sektor swasta	51,641.3	22,261.4
Pinjaman	47,840.8	20,434.6
Sekuriti	3,800.5	1,826.8
Aset asing bersih	48,756.5	10,530.5
Bank Negara Malaysia	72,829.7	4,032.0
Sistem perbankan	-24,073.2	6,498.5
Pengaruh lain	-24,782.6	-15,147.3

Sumber: Bank Negara Malaysia.



bilion) telah membantu mengimbangi pengeluaran pinjaman yang lebih perlahan. Pemerolehan dana dalam pasaran ekuiti didominasi oleh terbitan hak berjumlah RM11.3 bilion.

Prestasi pinjaman sistem perbankan lebih sederhana dalam tempoh bulan Januari hingga Julai 2009 terutamanya disebabkan oleh penurunan pinjaman perniagaan. **Jumlah kelulusan pinjaman** merosot 8.4% manakala **pengeluaran** menurun 2.4% (Januari – Julai 2008: 25.6%; 19.4%). Namun begitu, **jumlah permohonan pinjaman** bertambah 5.7% (Januari – Julai 2008: 26.8%) disokong oleh kenaikan semula permohonan pinjaman perniagaan sejak bulan Mei 2009. **Jumlah pinjaman terkumpul** meningkat 8.4% kepada RM752.5 bilion pada akhir Julai 2009 (akhir 2008: 12.8%; RM726.5 bilion).

Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman sektor perniagaan menyusut 0.2%, 19.7% dan 7.2% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2009 (Januari – Julai 2008: 1.5%; -7.7%; 13.9%). Sebahagian besar pinjaman disalurkan untuk modal kerja berjumlah RM195.1 bilion atau 53.8% daripada jumlah pinjaman (Januari – Julai 2008: RM209.1 bilion; 56.3%). Sektor pembuatan menyumbang 20.0% kepada jumlah pengeluaran pinjaman; perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran 16.4%; aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan 7.1%; dan pembinaan 5.9%.

Permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman kepada PKS oleh sistem perbankan merosot 8.1%, 29.5% dan 13.7% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2009 (Januari – Julai 2008: 15.2%; 12.9%; 19.3%). Lima dana khas yang ditadbir oleh BNM termasuk Tabung Pembiayaan Mikro berjumlah RM200 juta yang ditubuhkan pada bulan November 2008, mempunyai kadar penggunaan yang menggalakkan sebanyak 88.6% pada akhir Julai 2009 (akhir 2008: 90.3%).

Pada bulan Februari 2009, BNM melancarkan Skim Jaminan Bantuan PKS berjumlah RM2 bilion bagi memastikan akses kepada pembiayaan untuk PKS yang berdaya maju. Satu langkah penting ke arah membangunkan lagi PKS ialah transformasi Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan

JADUAL 5.2

Sistem Perbankan: Penunjuk Pinjaman Januari – Julai

Penunjuk	RM bilion		Perubahan tahunan (%)	
	2008	2009	2008	2009
Jumlah¹				
Permohonan pinjaman	281.6	297.7	26.8	5.7
Kelulusan pinjaman	178.2	163.2	25.6	-8.4
Pengeluaran pinjaman	371.7	362.9	19.4	-2.4
Pinjaman terkumpul ²	694.5	752.5	9.9	8.4
Perniagaan				
Permohonan pinjaman	140.4	140.1	1.5	-0.2
Kelulusan pinjaman	90.6	72.8	-7.7	-19.7
Pengeluaran pinjaman	263.8	244.8	13.9	-7.2
Pinjaman terkumpul ²	287.5	296.8	9.3	3.2
di mana:				
PKS				
Permohonan pinjaman	61.5	56.5	15.2	-8.1
Kelulusan pinjaman	34.5	24.3	12.9	-29.5
Pengeluaran pinjaman	95.0	82.1	19.3	-13.7
Pinjaman terkumpul ²	123.3	119.4	12.4	-3.1
Isi rumah				
Permohonan pinjaman	141.2	157.7	36.1	11.7
Kelulusan pinjaman	87.5	90.5	37.4	3.4
Pengeluaran pinjaman	107.9	118.1	13.7	9.5
Pinjaman terkumpul ²	377.3	411.3	9.3	9.0

¹ Jumlah sektor termasuk sektor lain (entiti asing, entiti domestik lain, Kerajaan dan lain-lain).

² Pinjaman terkumpul pada akhir tempoh.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Sederhana (SMIDEC) kepada Perbadanan SME Malaysia yang merupakan satu pusat setempat untuk penyelarasan inisiatif yang lebih baik. Usaha juga diambil untuk merasionalisasikan 79 dana PKS Kerajaan kepada 33 dana bagi menambah baik mekanisme pembiayaan.

Pembiayaan mikro oleh sembilan institusi kewangan (terdiri daripada enam institusi perbankan



JADUAL 5.3

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran Pinjaman				Pinjaman Terkumpul			
	Januari - Julai 2008		Januari - Julai 2009		Akhir 2008		Akhir Julai 2009	
	RM billion	Sumbangan (%)	RM billion	Sumbangan (%)	RM billion	Sumbangan (%)	RM billion	Sumbangan (%)
Perniagaan	263.8	71.0	244.8	67.5	295.7	40.7	296.7	39.4
Syarikat besar ¹	168.8	45.4	162.8	44.9	170.9	23.5	177.3	23.6
PKS	95.0	25.6	82.0	22.6	124.8	17.2	119.4	15.9
Sektor terpilih								
Pertanian primer	9.5	2.6	10.9	3.0	15.9	2.2	17.4	2.3
Perlombongan dan kuari	1.5	0.4	1.5	0.4	1.9	0.3	2.4	0.3
Pembuatan (termasuk asas tani)	90.2	24.3	72.6	20.0	81.0	11.1	73.9	9.8
Elektrik, gas dan bekalan air	1.4	0.4	3.9	1.1	4.5	0.6	6.8	0.9
Perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran	66.2	17.8	59.5	16.4	61.5	8.5	59.9	8.0
Pembinaan	21.2	5.7	21.5	5.9	34.3	4.7	35.3	4.7
Harta tanah	9.3	2.5	11.6	3.2	25.4	3.5	28.8	3.8
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	7.8	2.1	12.6	3.5	21.6	3.0	21.5	2.9
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	34.2	9.2	25.7	7.1	23.3	3.2	24.5	3.3
Isi rumah	107.9	29.0	118.1	32.5	393.0	54.1	411.3	54.7
Pembelian harta kediaman	26.6	7.2	29.4	8.1	184.9	25.5	193.1	25.7
Pembelian kereta penumpang	21.1	5.7	18.9	5.2	99.8	13.7	102.4	13.6
Kredit penggunaan ² di mana:	48.2	13.0	54.3	15.0	55.9	7.7	58.6	7.8
Kad kredit	33.9	9.1	38.8	10.7	24.7	3.4	24.5	3.3
Sektor lain	-	-	-	-	37.9	5.2	44.5	5.9
Jumlah³	371.7	100.0	362.9	100.0	726.5	100.0	752.5	100.0

¹ Syarikat besar termasuk sektor lain (entiti asing, entiti domestik lain, Kerajaan dan lain-lain).

² Kredit penggunaan= Kad kredit + Kegunaan persendirian + Barangan pengguna.

³ Jumlah = Perniagaan + Isi rumah + Sektor lain.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.


dan tiga institusi kewangan pembangunan) berkembang kukuh selaras dengan usaha menggalakkan akses pembiayaan untuk semua segmen masyarakat. Jumlah pinjaman terkumpul meningkat 44.8% kepada RM587.5 juta pada akhir Ogos 2009 (akhir 2008: 113.0%; RM478.0 juta), memanfaatkan 54,900 pelanggan.

Permohonan pinjaman isi rumah meningkat 11.7% sementara kelulusan berkembang 3.4% dan pengeluaran 9.5% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2009 (Januari – Julai 2008: 36.1%; 37.4%; 13.7%) disokong oleh kadar faedah rendah serta keadaan pasaran buruh dan sentimen pengguna yang bertambah baik. Pengeluaran pinjaman isi



CARTA 5.1


Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.2


Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.3


Sistem Perbankan: Jumlah Pinjaman Terkumpul¹



¹ Akhir tempoh.
Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.4


Penunjuk Pinjaman Perbankan



Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.5


Prestasi Ringgit Berbanding Mata Wang Terpilih



Sumber: Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.6

Sistem Perbankan: Pinjaman Tidak Berbayar (NPL) Kasar¹, Nisbah NPL Bersih¹ dan Nisbah Modal Berwajaran Risiko¹



¹ Akhir tempoh.
Sumber: Bank Negara Malaysia.



Perkembangan Terkini Skim Jaminan

Dua skim jaminan pinjaman telah diumumkan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua pada bulan Mac 2009 bertujuan membantu syarikat mendapat akses kepada pembiayaan. Skim jaminan tersebut ialah **Skim Jaminan Modal Kerja (SJMK)** berjumlah RM5 bilion dan **Skim Jaminan Pembiayaan Penstrukturan Semula Industri (SJPSI)** sebanyak RM5 bilion. SJMK dan SJPSI ditadbir oleh Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP), sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan. Kedua-dua skim ini ditubuhkan pada bulan Mac 2009 dan terbuka sehingga Disember 2010 atau sehingga dana digunakan sepenuhnya, yang mana terdahulu.

SJMK

- Membantu syarikat yang berdaya maju mendapat pembiayaan modal kerja daripada institusi kewangan;
- Terbuka kepada syarikat yang mempunyai ekuiti pemegang saham kurang daripada RM20 juta;
- Kerajaan akan menyediakan jaminan sebanyak 80% dan institusi kewangan 20% ke atas amaun pembiayaan;
- Pembiayaan yang disediakan adalah antara RM50,000 hingga RM10 juta dengan tempoh pembayaran sehingga lima tahun; dan
- Yuran jaminan adalah pada kadar 0.5% setahun yang dibayar terlebih dahulu berdasarkan tempoh jaminan.

Memandangkan dana SJMK hampir digunakan sepenuhnya, Kerajaan telah meningkatkan had jaminan dana SJMK kepada RM7 bilion dan mengurangkan dana SJPSI kepada RM3 bilion pada 7 September 2009. Sehingga 30 September 2009, sejumlah 4,358 permohonan bernilai RM5.7 bilion telah diluluskan.

SJPSI

- Kemudahan yang disediakan oleh institusi kewangan untuk syarikat membiayai perbelanjaan modal bagi aktiviti yang mempunyai nilai tambah tinggi dan menggalakkan penggunaan teknologi hijau yang lebih pesat;
- Kerajaan menyediakan jaminan sebanyak 80% untuk syarikat yang mempunyai ekuiti pemegang saham kurang daripada RM20 juta dan 50% untuk syarikat yang mempunyai ekuiti pemegang saham melebihi RM20 juta;
- Pembiayaan adalah antara RM50,000 hingga RM50 juta bagi tempoh sehingga 10 tahun; dan
- Yuran jaminan adalah pada 0.5% setahun yang dibayar terlebih dahulu berdasarkan tempoh jaminan.

Kemudahan SJPSI kurang mendapat sambutan dengan hanya RM429.3 juta pinjaman diluluskan kepada 133 syarikat sehingga 30 September 2009.

rumah adalah sebanyak RM118.1 bilion atau 32.5% daripada jumlah pengeluaran pinjaman yang kebanyakannya untuk kredit penggunaan sebanyak RM54.3 bilion dan pembelian harta kediaman RM31.8 bilion.

Transaksi **kad kredit** terus berkembang 6.0% kepada RM38.9 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2009 (Januari – Julai 2008: 18.2%; RM36.7 bilion). Sebahagian besar transaksi adalah untuk pembelian berjumlah RM37.0 bilion atau 95.1% daripada jumlah keseluruhan. Bilangan kad kredit dalam edaran meningkat 4.9% kepada 11.0 juta pada akhir Julai 2009 (akhir 2008: 11.4%; 10.5 juta). Individu bermasalah hutang kad kredit yang mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) di bawah BNM meningkat 38.6% kepada 7,492 dan menyumbang 74.0% kepada jumlah kes di bawah Program Pengurusan Hutang (Januari – Julai 2008: 75.9%; 5,406 kes; 78.0%). Kadar faedah berperingkat dikurangkan daripada 15.0% hingga 18.0% kepada 13.5% hingga 17.5% pada bulan Mac 2009 untuk membantu mengurangkan beban kewangan pemegang kad kredit.

[Prestasi pinjaman menyederhana pada bulan Ogos 2009 dengan jumlah permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman sistem perbankan merosot 16.8%, 21.1% dan 7.0%, terutamanya disebabkan oleh sektor perniagaan. Permintaan pinjaman isi rumah kekal kukuh dengan permohonan, kelulusan dan pengeluaran pinjaman meningkat 30.2%, 21.6% dan 21.9%]

Ringgit mengukuh berbanding dolar AS...

Ringgit mengalami penyusutan nilai berbanding mata wang utama dan serantau dalam tempoh separuh pertama 2009 disebabkan oleh penguncupan eksport dan aliran keluar modal. Jumlah eksport merosot 23.4% manakala aliran keluar bersih pelaburan portfolio berjumlah RM22.1 bilion (Januari – Jun 2008: 15.5%; +RM4.1 bilion). Nilai ringgit jatuh 1.7% berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) kepada RM3.5225 pada akhir Jun 2009 (akhir 2008: RM3.4640) dan menyusut dalam lingkungan 0.1% hingga 8.4% berbanding mata wang serantau. Dalam tempoh suku pertama,



ringgit menyusut 5.0% berbanding dolar AS berikutan aktiviti pembayaran balik hutang yang mengukuhkan kedudukan dolar AS berbanding mata wang serantau. Dalam suku kedua pula, nilai ringgit mengukuh 3.5% berbanding dolar AS disebabkan oleh peningkatan kesediaan pelabur mengambil risiko terhadap aset yang memberi pulangan lebih tinggi didorong oleh tanda-tanda kestabilan ekonomi global.

Dalam tempoh 1 Julai hingga 14 Oktober 2009, ringgit mencatatkan prestasi bercampur-campur berbanding mata wang utama dan serantau. Nilai ringgit mengukuh 4.4% berbanding dolar AS dan 9.0% berbanding paun sterling tetapi menyusut 3.1% berbanding yen dan 1.0% berbanding euro.

Perkembangan Sektor Kewangan

Sistem perbankan kekal mantap...

Sistem perbankan kekal berdaya tahan dan teguh dengan permodalan yang kukuh dan kualiti aset yang mapan. Nisbah modal berwajaran risiko (RWCR) bertambah baik kepada 14.3% dan nisbah modal teras (CCR) kepada 12.7% pada akhir Julai 2009 (akhir 2008: 12.6%; 10.6%). Sistem perbankan mencatat penurunan keuntungan sebelum cukai sebanyak 25.4% kepada RM8.4 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2009 (Januari – Julai 2008: 17.3%; RM11.3 bilion) berikutan pelarasan peruntukan *one-off* oleh sebuah institusi perbankan besar pada akhir tahun kewangan. Secara keseluruhan, sumber pendapatan teras daripada aktiviti kewangan, penjualan silang bankasurans dan perkhidmatan pengurusan kekayaan serta aktiviti perbendaharaan kekal stabil.

Kualiti aset sistem perbankan kekal mantap dengan pinjaman tidak berbayar (NPL) bersih menurun 5.1% kepada RM15.1 bilion pada akhir Julai 2009 (akhir 2008: RM15.9 bilion) hasil daripada pemulihan hutang lapuk yang lebih tinggi dan pengelasan semula NPL kepada status pinjaman berbayar. NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3-bulan bertambah baik kepada 2.1% pada

Perkembangan Terkini Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat

Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) telah ditubuhkan semasa krisis kewangan Asia 1997/1998 untuk membantu syarikat yang mempunyai masalah hutang. CDRC menyediakan sebuah platform untuk syarikat yang terlibat dalam penyusunan semula hutang tanpa membabitkan prosiding undang-undang. Jawatankuasa ini berjaya menyelesaikan 57 kes berjumlah RM45.8 bilion dan telah dibubarkan pada 15 Ogos 2002.

CDRC telah diaktifkan semula sebagai langkah awalan untuk membantu syarikat yang bermasalah ketika kegawatan ekonomi semasa. Syarikat tersebut kini mempunyai platform untuk menyelesaikan masalah dengan pemiutang selepas CDRC memulakan semula operasi pada 23 Julai 2009. Sehingga akhir September 2009, CDRC telah menerima permohonan daripada tiga syarikat dengan hutang bernilai RM478.7 juta serta pertanyaan awal daripada sebuah syarikat dengan hutang RM188.3 juta. Bilangan kecil ini menunjukkan bahawa sektor korporat kini lebih kukuh berbanding semasa krisis kewangan Asia.

akhir Julai 2009 setelah kekal 2.2% sejak bulan Disember 2008. Sektor isi rumah merangkumi RM15.8 bilion atau 48.6% daripada jumlah NPL kasar bank komersial pada akhir Jun 2009 diikuti oleh sektor pembuatan (RM5.7 bilion; 17.6%) dan pembinaan (RM3.1 bilion; 9.7%).

PISK menghampiri penghujung...

Sektor kewangan telah mengalami transformasi ketara sejak krisis kewangan Asia dan kini semakin kukuh, berdaya tahan dan lebih pelbagai. **Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK)** yang dilancarkan pada tahun 2001 menggariskan proses transformasi yang telah dilaksanakan dari aspek bina upaya serta pembaharuan dalam rangka kerja kawal selia dan institusi. Sektor kewangan yang kukuh berada pada kedudukan baik untuk menyumbang secara bermakna kepada ekonomi. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, sumbangan sektor kewangan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) telah meningkat daripada 9.2% pada



tahun 2000 kepada 11.0% pada tahun 2008, menyamai tahap di negara maju.

Arus perubahan global dan domestik menyediakan peluang yang signifikan kepada sektor kewangan Malaysia dan dengan PISK menghampiri ke penghujung pada tahun 2010, BNM kini sedang merumuskan satu pelan tindakan untuk memperkukuh sektor kewangan bagi menyokong dan memberi sumbangan yang bermakna kepada proses transformasi ekonomi negara. Pelan tindakan ini bertujuan untuk memantapkan peranan sektor kewangan sebagai pendorong, pemangkin dan penggerak pertumbuhan ekonomi. Ini berlandaskan objektif mempromosi pembangunan sosioekonomi negara serta keperluan memelihara kekukuhan dan kestabilan sektor kewangan.

Prestasi kukuh DFI...

Pembiayaan terkumpul **institusi kewangan pembangunan (DFI)** berkembang 11.5% kepada RM83.8 bilion pada akhir Julai 2009 (akhir 2008: RM75.1 bilion) dengan sebahagian besarnya

untuk kredit penggunaan, pembinaan, pertanian dan PKS. Pembiayaan kepada sektor pembuatan menurun 7.1% kepada RM5.4 bilion (akhir 2008: RM5.8 bilion) terutamanya bagi industri berasaskan eksport. Kredit penggunaan yang sebahagian besarnya disalurkan oleh Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dan Bank Simpanan Nasional (BSN) mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 15.1% kepada RM36.0 bilion terutamanya untuk pinjaman peribadi. Pinjaman sektor pertanian terutamanya oleh Agrobank meningkat 23.9% kepada RM6.2 bilion. Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) terus menyokong pembangunan sektor strategik dengan pinjaman kepada infrastruktur, sektor maritim dan industri berteknologi tinggi sebanyak RM17.8 bilion, RM1.9 bilion dan RM1.1 bilion pada akhir Julai 2009. Pinjaman yang disalurkan oleh DFI kepada PKS meningkat 24.8% kepada RM18.6 bilion pada akhir Julai 2009 (akhir 2008: RM14.9 bilion). Deposit yang digembleng oleh DFI dan pinjaman daripada Kerajaan kekal menjadi penyumbang utama mewakili kira-kira 68% daripada jumlah keseluruhan sumber dana.

JADUAL 5.4

Institusi Kewangan Pembangunan¹: Haluan Berian Pinjaman

Sektor	RM juta		Sumbangan (%)	
	Akhir 2008	Akhir Julai 2009	Akhir 2008	Akhir Julai 2009
Pertanian primer	4,977.8	6,165.1	6.6	7.4
Pembuatan	5,845.8	5,428.0	7.8	6.5
Perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran	1,539.7	1,962.0	2.0	2.3
Pembinaan	9,634.4	12,189.4	12.8	14.6
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	5,466.9	6,084.5	7.3	7.3
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	1,029.9	1,209.7	1.4	1.4
Lain-lain	46,625.5	50,724.6	62.1	60.5
Jumlah	75,120.1	83,763.2	100.0	100.0

¹ Merujuk kepada Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Agrobank, Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank), Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Sabah Development Bank Berhad, Borneo Development Corporation (Sabah) Sendirian Berhad, Borneo Development Corporation (Sarawak) Sendirian Berhad, Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Sabah Credit Corporation dan Lembaga Tabung Haji.

Sumber: Bank Negara Malaysia.



Liberalisasi Kewangan

Liberalisasi sektor kewangan adalah konsisten dengan matlamat di bawah Pelan Induk Sektor Kewangan (2001-2010) untuk membangunkan sektor kewangan yang berdaya tahan, efisien dan berdaya saing. Liberalisasi sektor perkhidmatan kewangan ini dilaksanakan secara berperingkat bagi memastikan institusi kewangan tempatan bersedia untuk bersaing dalam persekitaran yang lebih mencabar. Pada 27 April 2009, langkah-langkah lanjut liberalisasi telah diumumkan:

- **Pengeluaran lesen baru**
 - Dua lesen perbankan komersial akan ditawarkan dalam tahun 2009 kepada institusi kewangan asing yang membawa kepakaran khusus bagi menyokong pembangunan sektor ekonomi sasaran;
 - Dua lesen perbankan Islam akan ditawarkan dalam tahun 2009 kepada institusi kewangan asing yang mempunyai modal berbayar minimum sebanyak USD1 bilion;
 - Dua lesen takaful keluarga akan diberikan dalam tahun 2009 untuk pengendali yang mempunyai modal berbayar minimum sebanyak RM100 juta; dan
 - Tiga lesen perbankan komersial akan ditawarkan dalam tahun 2011 kepada bank bertaraf dunia.
- **Kenaikan had ekuiti asing berkuat kuasa serta-merta**
 - Daripada 49% sehingga 70% untuk institusi perbankan Islam domestik, bank pelaburan dan syarikat insurans serta pengendali takaful yang sedia ada; dan
 - Sehingga melebihi 70% akan dipertimbangkan mengikut keperluan bagi syarikat insurans yang dapat menyumbang kepada penggabungan dan perasionalan industri.
- **Kefleksibelan operasi yang lebih baik berkuat kuasa serta-merta**
 - Bank komersial asing yang diperbadankan di dalam negeri dibenarkan membuka sehingga 10 cawangan pembiayaan mikro;
 - Bank komersial asing yang diperbadankan di dalam negeri dibenarkan membuka sehingga empat cawangan baru pada tahun 2010;
 - Syarikat insurans dan pengendali takaful asing yang diperbadankan di dalam negeri dibenarkan membuka cawangan di seluruh negara tanpa sekatan;
 - Syarikat insurans dan pengendali takaful asing yang diperbadankan di dalam negeri boleh mengadakan pengaturan bankasurans/banktakaful dengan institusi perbankan tanpa sekatan;
 - Institusi perbankan, syarikat insurans dan pengendali takaful diberikan lebih fleksibiliti untuk mengambil ekspatriat yang mempunyai kepakaran khusus; dan
 - Institusi perbankan luar pesisir yang dilesenkan oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) yang memenuhi kriteria ditetapkan akan dibenarkan untuk beroperasi di dalam negeri mulai tahun 2010 manakala bagi syarikat insurans mulai 2011.

Langkah liberalisasi yang diumumkan pada 30 Jun semasa Persidangan *Invest Malaysia* 2009 termasuk:

- **Had ekuiti asing**
 - Membenarkan 100% pemilikan ekuiti asing bagi syarikat pengurusan dana yang berkelayakan dan terkemuka untuk beroperasi di Malaysia;
 - Menaikkan ekuiti asing daripada 49% sehingga 70% bagi syarikat pengurusan unit amanah; dan
 - Membenarkan syarikat pembrokeran saham yang sedia ada untuk memiliki ekuiti asing daripada 49% sehingga 70%.
- **Tenaga pakar asing**
 - Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti akan mengkaji permohonan visa bagi tenaga pakar asing dalam sektor perkhidmatan kewangan dan industri pasaran modal untuk mempercepat proses pengambilan.
- **Garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC)**
 - Memansuhkan garis panduan FIC yang melibatkan pemerolehan ekuiti, penggabungan dan pengambilalihan; dan
 - Membatalkan syarat pegangan ekuiti Bumiputera bagi syarikat yang bercadang untuk disenaraikan dan syarikat tersenarai awam yang sedia ada untuk aktiviti pemerolehan dana.
- **Dana ekuiti swasta**
 - Menubuhkan Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) yang merupakan sebuah dana ekuiti swasta bagi meningkatkan penyertaan efektif golongan Bumiputera melalui pelaburan dalam sektor yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi. Ekuinas ditubuhkan dengan modal permulaan RM500 juta yang bakal berkembang kepada RM10 bilion.



Beberapa garis panduan telah diperkenalkan oleh BNM dalam tempoh tujuh bulan pertama 2009 bertujuan memperkukuh DFI dalam memberi khidmat yang lebih efektif kepada golongan sasaran. Garis panduan ini termasuk amalan terbaik dalam pengurusan risiko kredit serta penyumberan luar fungsi bukan teras dan penyediaan perkhidmatan asas perbankan pada kos yang minimum. Selain itu, DFI juga perlu membantu peminjam dalam menstruktur semula pinjaman serta memberi tumpuan kepada aduan dan permintaan pelanggan.

Industri insurans kekal berdaya tahan...

Industri insurans kekal teguh dan berdaya tahan dalam tempoh tujuh bulan pertama 2009 disokong oleh asas aset yang kukuh, pertumbuhan premium yang tinggi, keuntungan dan kedudukan solvensi yang mapan. Jumlah pendapatan premium industri insurans meningkat 1.9% kepada RM15.8 bilion (Januari – Julai 2008: 6.3%; RM15.5 bilion).

Premium perniagaan baru **sektor insurans hayat** menurun 5.4% kepada RM4.0 bilion (Januari – Julai 2008: -0.7%; RM4.3 bilion) berikutan jumlah jualan produk berkaitan pelaburan yang lebih rendah sejak penghujung tahun 2008. Jualan produk berkaitan pelaburan jatuh 53.7% kepada RM784.1 juta (Januari – Julai 2008: RM1.7 bilion). Pendapatan premium bersih meningkat 0.9% kepada RM10.8 bilion (Januari – Julai 2008: 4.1%; RM10.7 bilion). Penembusan pasaran meningkat kepada 41.1% pada akhir Jun 2009 (akhir Jun 2008: 39.9%). Dalam **sektor insurans am**, premium langsung kasar berkembang 5.5% kepada RM7.1 bilion dipacu oleh peningkatan dalam perniagaan insurans kebakaran, kenderaan bermotor dan pelbagai. Insurans kenderaan bermotor merupakan komponen terbesar dalam sektor insurans am dengan mewakili 42.8% daripada jumlah premium kasar.

Asas aset industri insurans mencatatkan pertumbuhan 12.4% kepada RM141.3 bilion (Januari – Julai 2008: 9.6%; RM125.8 bilion). Aset mudah cair berjumlah RM41.7 bilion atau

JADUAL 5.5

Perniagaan Insurans Hayat dan Am

	2008	Jan - Julai 2009
Insurans hayat (RM juta)		
Perniagaan baru:		
Bilangan polisi ('000 unit)	1,585.8	795.1
Jumlah diinsuranskan	219,166.9	149,876.7
Jumlah premium	7,234.7	4,043.5
Perniagaan berkuat kuasa		
Bilangan polisi ('000 unit)	11,522.2	11,627.3 ¹
Jumlah diinsuranskan	771,274.8	757,123.1 ¹
Premium tahunan	15,446.4	16,468.1 ¹
Pendapatan premium	18,609.1	10,759.7
Bayaran manfaat	9,946.3	6,464.1
Insurans am (RM juta)		
Pendapatan premium:		
Premium langsung kasar	10,547.9	7,142.6
Premium bersih	9,066.7	5,042.8
Insurans semula ditempatkan di luar Malaysia	436.1	258.6 ¹
Nisbah bendungan ² (%)	71.6	70.6
Bilangan syarikat insurans		
Langsung:	42	40
Hayat	9	9
Am	26	24
Komposit	7	7
Penginsuranaan semula:	7	7
Hayat	1	1
Am	5	5
Komposit	1	1

¹ Akhir Jun 2009.

² Premium bersih kepada premium kasar dan premium insurans semula diterima tolak insurans semula dalam Malaysia.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

JADUAL 5.6

Aset Kumpulan Wang Insurans Hayat dan Am
(RM juta)

	Insurans Hayat		Insurans Am	
	2008	Jan - Julai 2009	2008	Jan - Julai 2009
Harta benda, loji dan kelengkapan	496.9	1,601.2	750.1	692.7
Pinjaman	12,007.9	11,853.9	183.3	173.5
Pelaburan	76,275.0	86,099.0	11,136.7	10,011.9
Sekuriti Kerajaan	18,315.6	18,214.2	4,310.3	3,012.0
Sekuriti hutang dan korporat	56,044.4	65,439.5	6,450.0	6,368.0
Lain-lain	1,915.0	2,445.3	376.3	632.0
Pelaburan harta tanah	3,614.2	2,508.7	240.8	148.6
Tunai dan deposit	13,001.1	13,517.2	8,011.3	6,944.9
Aset asing	1,521.6	2,803.0	497.0	681.9
Aset lain	2,514.3	2,082.1	2,192.1	2,217.7
Jumlah	109,431.1	120,465.2	23,011.4	20,871.3

Sumber: Bank Negara Malaysia.

29.5% daripada jumlah aset mampu menampung tuntutan dan pampasan sebanyak RM9.8 bilion pada akhir Julai 2009. Agihan aset kekal tertumpu kepada sekuriti hutang korporat dan sekuriti Kerajaan, mewakili 52.7% daripada jumlah aset (akhir Julai 2008: 51.7%).

Nisbah kecukupan modal industri insurans kekal kukuh sebanyak 214.8% pada akhir Jun 2009 (akhir Mac 2009: 211.3%). Keuntungan perniagaan insurans hayat bertambah baik dengan lebih pendapatan berbanding perbelanjaan sebanyak RM6.0 bilion (Januari – Julai 2008: RM5.2 bilion). Perniagaan insurans am merekodkan kerugian pengunderaitan sebanyak RM180.5 juta (Januari – Julai 2008: -RM281.0 juta). Prestasi yang lebih baik dalam kerugian pengunderaitan ini disebabkan oleh sumbangan pendapatan premium yang lebih tinggi sebanyak 3.2%

dan pengurangan 1.8% dalam perbelanjaan pengurusan. Industri insurans am mencatatkan keuntungan operasi yang memberangsangkan sebanyak RM436.0 juta (Januari – Julai 2008: RM107.7 juta) terutamanya disebabkan oleh pendapatan daripada aktiviti pelaburan yang belum direalisasi.

Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko (RBC) telah dilaksanakan mulai 1 Januari 2009 untuk penyelarasan yang lebih baik antara strategi dan risiko perniagaan serta mengukuhkan insentif bagi meningkatkan amalan pengurusan risiko. Sementara itu, usaha penggabungan yang diambil selama beberapa tahun kebelakangan ini telah dapat mengurangkan bilangan syarikat insurans daripada 56 pada akhir tahun 1999 kepada 40 pada akhir Julai 2009. Langkah liberalisasi yang telah diumumkan pada bulan



April 2009 dijangka akan menggiatkan usaha penggabungan dan meningkatkan lagi usaha sama strategik antara syarikat insurans tempatan dan asing.

Perkembangan Kewangan Islam

Kewangan Islam yang teguh...

Usaha terus diambil untuk mengukuhkan inisiatif **Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC)**. Ini termasuk aktiviti promosi, penjenamaan, terbitan sukuk, inovasi produk, penyeragaman dokumentasi dan usaha penyelarasan ke arah pemahaman dan pentafsiran produk serta perkhidmatan kewangan Islam. Aktiviti promosi MIFC tertumpu untuk menarik penerbit sukuk yang berpotensi dan peneraju global daripada pusat kewangan terkemuka di Eropah, Asia dan Timur Tengah. Ini termasuk pameran bergerak antarabangsa, pengiklanan melalui media massa dan penjenamaan. Jenama *"Shaping Islamic Finance Together"* yang dilancarkan pada bulan Oktober 2009 mencerminkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju pembangunan kewangan Islam dan kepimpinan dalam pemikiran.

Industri kewangan Islam tidak terkecuali daripada mengalami kesan kelembapan ekonomi global yang menyaksikan kejatuhan terbitan sukuk sebanyak 57.1% kepada USD15.0 bilion pada tahun 2008 (2007: USD35.0 bilion). Namun begitu, terbitan sulung bon bernilai USD3.0 bilion dan sukuk berjumlah USD1.5 bilion oleh Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) dalam bulan Ogos 2009 telah menerima sambutan yang amat menggalakkan. Ini merupakan terbitan USD terbesar oleh entiti Asia pada tahun ini, selain Jepun. Terbitan tersebut diberi gelaran "Emas" untuk mewujudkan identiti tersendiri bagi terbitan bon dalam denominasi mata wang asing dari Malaysia, sekali gus menyerlahkan lagi pasaran modal domestik sebagai sumber pemerolehan dana oleh syarikat tempatan dan asing.

Inisiatif lain adalah pelancaran Bursa Suq Al-Sila' pada bulan Ogos 2009 yang sebelum ini dikenali sebagai *Bursa Commodity Murabahah House*. Ia merupakan platform dagangan komoditi patuh Syariah yang pertama di dunia dengan menggunakan minyak sawit mentah (CPO) sebagai komoditi asas. Platform ini akan meningkatkan lagi pengurusan kecairan bagi institusi kewangan Islam. Pada 15 September 2009, Bursa Suq Al-Sila' telah mencatat satu perkembangan penting dengan urus niaga antarabangnya yang pertama.

Malaysia telah melaksanakan usaha sama strategik dalam kewangan Islam dengan beberapa pusat kewangan dan institusi antarabangsa utama untuk meningkatkan lagi jalinan antarabangsa. Sehubungan itu, BNM telah memeterai beberapa memorandum persefahaman (MoU) dengan *United Kingdom Trade and Investment, Dubai Financial Services Authority, Qatar Financial Centre Regulatory Authority* dan *Central Bank of Bahrain*.

BNM sedang membangunkan parameter Syariah untuk menggalakkan penggunaan kontrak kewangan Islam secara konsisten. Enam kontrak yang telah dikenalpasti adalah Murabahah, Ijarah, Mudharabah, Musharakah, Istina' dan Wadiah. Penerbitan parameter Syariah ini akan menambahkan kejelasan serta keselarasan tafsiran dan pemahaman terhadap produk dan perkhidmatan. Ini akan memudahkan penerimaan yang lebih luas terhadap kewangan Islam dan meningkatkan urus niaga rentas sempadan. Parameter Syariah yang pertama mengenai kontrak Murabahah telah dikeluarkan pada 28 Ogos 2009.

Perbankan Islam berkembang...

Sistem perbankan Islam termasuk DFI terus menunjukkan peningkatan dalam bahagian pasaran bagi aset, deposit dan pembiayaan dalam tempoh tujuh bulan pertama 2009. Aset meningkat 11.1% kepada RM279.1 bilion (akhir 2008: RM251.1 bilion) dan merangkumi

JADUAL 5.7

Perbankan Islam: Penunjuk Utama

	RM juta		Perubahan (%)
	Akhir 2008	Akhir Julai 2009	
Aset	251,133	279,068	11.1
Deposit	194,545	218,515	12.3
di mana:			
Pelaburan	104,400	125,840	20.5
Simpanan	18,390	20,146	9.5
Permintaan	26,655	27,212	2.1
Lain-lain	45,100	45,317	0.5
Pembiayaan	150,501	169,168	12.4
di mana:			
Pertanian primer	6,459	6,724	4.1
Pembuatan (termasuk asas tani)	11,094	10,643	-4.1
Perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran	6,484	6,151	-5.1
Aktiviti kewangan, insurans dan perniagaan	6,640	8,237	24.1
Isi rumah	90,946	104,367	14.8

Sumber: Bank Negara Malaysia.

18.9% daripada jumlah aset sistem perbankan. Deposit pula menokok RM24.0 bilion kepada RM218.5 bilion dan mewakili 20.4% daripada jumlah deposit sistem perbankan (akhir 2008: RM194.5 bilion). Pembiayaan berkembang 12.4% kepada RM169.2 bilion, meliputi 20.2% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan (akhir 2008: RM150.5 bilion). Pembiayaan terus dikuasai oleh sektor isi rumah yang merangkumi 61.7% atau RM104.4 bilion daripada jumlah pembiayaan (akhir 2008: RM90.9 bilion).

Industri takaful cergas...

Industri takaful mengalami pertumbuhan purata tahunan yang pesat sebanyak 24.8% sejak tahun 2001 hingga 2008 dengan aset mewakili

JADUAL 5.8

Perniagaan Takaful Keluarga dan Am

	2008	Jan-Jun 2009
Aset¹ (RM juta)	10,622.7	11,466.5
Aset tetap	11.4	10.8
Pembiayaan	65.8	65.0
Pelaburan	6,093.8	7,298.2
Sekuriti Kerajaan	855.7	1,152.4
Sekuriti hutang Islam	4,361.3	5,099.4
Lain-lain	941.1	1,077.4
Deposit pelaburan	263.2	303.8
Tunai dan deposit	3,590.5	3,190.7
Lain-lain	569.5	564.6
Perniagaan takaful keluarga		
Perniagaan baru:		
Jumlah caruman (RM juta)	1,981.7	1,069.0
Jumlah penyertaan (RM juta)	95,209.2	115,279.0
Bilangan sijil	480,235	304,029
Perniagaan berkuat kuasa:		
Jumlah caruman ² (RM juta)	1,269.2	1,401.4
Jumlah penyertaan (RM juta)	204,576.2	267,404.5
Bilangan sijil	2,181,477	2,383,572
Perniagaan takaful am		
Caruman kasar (RM juta)	869.4	512.3
Tuntutan bersih dibayar (RM juta)	652.1	388.5

¹ Aset termasuk takaful keluarga, takaful am dan dan pemegang saham.

² Jumlah caruman dilaporkan secara tahunan sahaja.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia.



7.5% atau RM11.5 bilion daripada jumlah aset insurans pada akhir Jun 2009 (akhir Jun 2008: 6.9%). Sumbangan bersih takaful keluarga dan takaful am meningkat 21.4% kepada RM1.7 bilion (Januari – Jun 2008: 22.7%; RM1.4 bilion).

Sumbangan perniagaan baru bagi **takaful keluarga** berkembang 6.5% kepada RM1.1 bilion terutamanya hasil daripada peningkatan dalam takaful keluarga biasa. Seiring dengan perkembangan pesat industri, keuntungan takaful keluarga meningkat 28.6% kepada RM871.9 juta (Januari – Jun 2008: 35.7%; RM678.1 juta). Penembusan pasaran bertambah baik kepada 5.0% pada akhir Jun 2009 (akhir Jun 2008: 4.2%). Sumbangan langsung kasar untuk **takaful am** menokok 26.4% kepada RM512.3 juta (Januari – Jun 2008: -11.2%; RM405.4 juta) disebabkan oleh peningkatan dalam permintaan perlindungan kebakaran dan kenderaan bermotor. Keuntungan operasi merosot 27.5% kepada RM78.5 juta (Januari – Jun 2008: RM108.3 juta) berikutan penurunan nilai pelaburan dan peningkatan tuntutan.

Perkembangan Pasaran Modal

Pemerolehan dana yang teguh...

Dana kasar yang diperoleh dalam pasaran modal meningkat 63.7% kepada RM109.7 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2009 (Januari – Julai 2008: 3.1%; RM67.0 bilion). Setelah mengambil kira penebusan, dana bersih yang diperoleh berkembang lebih dua kali ganda kepada RM68.4 bilion (Januari – Julai 2008: RM31.8 bilion) dengan sektor awam mencakupi RM45.0 bilion dan sektor swasta RM23.4 bilion.

Terbitan sekuriti Kerajaan meningkat 109.3% kepada RM66.3 bilion (Januari – Julai 2008: 6.1%; RM31.7 bilion), sejajar dengan dasar pengembangan fiskal Kerajaan. Dana yang diperoleh termasuk Sukuk Simpanan Rakyat 2009 berjumlah RM5 bilion yang merupakan instrumen simpanan bertempoh tiga tahun dengan pulangan tahunan sebanyak 5.0%.

JADUAL 5.9

Dana yang Diperoleh di Pasaran Modal Januari – Julai (RM juta)

	2008	2009
Oleh Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan		
Sekuriti Kerajaan Malaysia	24,670	38,258
Bon Khazanah	-	-
Terbitan Pelaburan Kerajaan	5,500	21,000
Bon Simpanan Merdeka	1,483	2,000
Sukuk Simpanan Rakyat	-	5,000
Sekuriti hutang baru Kerajaan	31,653	66,258
Tolak: Penebusan	15,654	21,214
Dana bersih diperoleh	15,998	45,044
Oleh Sektor Swasta		
Saham¹/waran		
Tawaran awam awal	704	256
Terbitan hak	2,845	11,316
Penempatan persendirian/ Tawaran jualan secara terhad	247	144
Terbitan khas	-	-
Waran	298	-
Terbitan saham baru	4,093	11,716
Sekuriti hutang²		
Bon biasa	10,419	6,815
Bon boleh tukar	205	80
Bon Islam	5,059	1,811
Bon bersandarkan aset	1,200	97
Bon dengan waran	-	-
Nota jangka sederhana	14,398	22,962
Bon Cagamas	-	-
Terbitan baru sekuriti hutang	31,281	31,764
Tolak: Penebusan³	19,619	20,110
Sekuriti hutang baru	11,662	11,654
Dana bersih diperoleh	15,755	23,370
Jumlah dana bersih diperoleh	31,753	68,414

¹ Tidak termasuk dana yang diperoleh melalui penggunaan Skim Opsyen Saham Pekerja, Hak Langganan Boleh Pindah dan Stok Pinjaman Tidak Bercagar Boleh Tukar Tidak Boleh Tebus.

² Termasuk bon dikeluarkan oleh entiti bukan pemastautin.

³ Termasuk bon biasa, bon dengan waran, bon boleh tukar dan bon Islam.

Sumber: Bank Negara Malaysia.



Terbitan baru PDS oleh sektor swasta meningkat 1.5% kepada RM31.8 bilion (Januari – Julai 2008: 1.7%; RM31.3 bilion) manakala dana yang diperoleh dari pasaran ekuiti berkembang hampir tiga kali ganda kepada RM11.7 bilion (Januari – Julai 2008: 54.7%; RM4.1 bilion). Bon Islam kekal menjadi segmen utama pasaran PDS dengan nota jangka sederhana dan sukuk meliputi 53.0% daripada jumlah bon yang diterbitkan pada akhir Julai 2009. Pemerolehan dana oleh sektor swasta bertambah aktif pada suku kedua 2009 seiring dengan sentimen perniagaan yang semakin baik. Dalam tempoh tersebut, terbitan

PDS berkembang 109.0% kepada RM19.3 bilion (S1 2009: RM9.3 bilion) sementara terbitan ekuiti meningkat dengan ketara kepada RM11.5 bilion (S1 2009: RM0.1 bilion).

Penerbit PDS terbesar adalah termasuk sebuah syarikat dana kekayaan berdaulat milik Kerajaan Persekutuan, sebuah syarikat tujuan khas untuk entiti berkaitan kerajaan, sebuah syarikat induk pelbagai dan beberapa institusi kewangan. Terdapat juga dua buah syarikat bukan pemastautin yang menerbitkan PDS berjumlah RM1.3 bilion. Peningkatan ketara dana dijana dalam pasaran ekuiti disebabkan oleh dua terbitan hak yang besar berjumlah RM11.3 bilion oleh sebuah syarikat telekomunikasi dan sebuah syarikat kewangan. Sektor kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan merangkumi RM14.7 bilion atau 48.5% daripada jumlah PDS diterbitkan. Sebahagian besar dana yang dijana telah digunakan untuk modal kerja dan aktiviti perniagaan am.

JADUAL 5.10

Terbitan Baru PDS Mengikut Sektor¹ Januari – Julai

Sektor	2008		2009	
	RM juta	Sumb. (%)	RM juta	Sumb. (%)
Pertanian, perhutanan dan perikanan	-	-	268	0.9
Pembuatan	120	0.5	5	0.0
Pembinaan	4,810	19.5	1,731	5.7
Elektrik, gas dan bekalan air	2,536	10.3	400	1.3
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	5,585	22.6	2,875	9.5
Perkhidmatan kewangan, insurans, harta tanah dan perniagaan	11,258	45.6	14,659	48.5
Kerajaan dan lain-lain	230	0.9	10,191	33.7
Perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran	163	0.7	115	0.4
Jumlah	24,701	100.0	30,244	100.0

¹ Tidak termasuk bon Cagamas dan bon dikeluarkan oleh entiti bukan pemastautin.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

Perkembangan Terkini Danajamin Nasional Berhad

Danajamin Nasional Berhad (Danajamin) telah ditubuhkan pada bulan Mei 2009 sebagai salah satu langkah dalam pakej rangsangan yang diumumkan pada bulan Mac 2009. Danajamin dilesenkan di bawah Akta Insurans 1996 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Danajamin merupakan Penginsurans Jaminan Kewangan pertama Malaysia dengan penarafan AAA. Ia mempunyai modal asas sebanyak RM1 bilion dan mampu mengunderait polisi sehingga RM15 bilion.

Kerajaan menubuhkan Danajamin bagi memudahkan syarikat yang menghadapi kesukaran mengakses pasaran modal berikutan persekitaran semasa yang mencabar. Danajamin akan menjamin bon korporat dan sukuk yang diterbitkan oleh syarikat dengan penarafan sekurang-kurangnya BBB. Jaminan ini meningkatkan penarafan bon tersebut kepada AAA dan seterusnya membolehkan syarikat tersebut mendapatkan dana pada kos yang lebih rendah. Sehingga 30 September 2009, Danajamin telah menerima tujuh permohonan untuk menjamin bon bernilai RM1.7 bilion daripada sektor minyak dan gas, harta tanah dan pembinaan serta sektor perkhidmatan kewangan.



Dalam tempoh bulan Januari hingga Julai 2009, kadar hasil bon kerajaan dipengaruhi terutamanya oleh kebimbangan terhadap penawaran sekuriti Kerajaan yang besar. Ini menyebabkan trend bagi kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (SKM) meningkat lebih ketara untuk sekuriti bertempoh matang panjang berikutan kebanyakan pelabur mengalihkan permintaan kepada sekuriti jangka pendek. Sepanjang tempoh tersebut, tekanan untuk kadar hasil SKM yang lebih tinggi sebahagiannya diimbangi oleh pengurangan OPR dan peredaan inflasi. Antara bulan Januari hingga Julai 2009, kadar hasil SKM untuk tempoh 5 dan 10 tahun meningkat 87.1 mata asas dan 117.1 mata asas (Januari – Julai 2008: 23.5 mata asas; 65.8 mata asas).

Kadar hasil PDS yang secara umumnya menunjukkan trend menaik sepanjang tempoh tersebut mencerminkan peningkatan premium risiko kredit berikutan kebimbangan pelabur terhadap persekitaran kredit di pasaran bon domestik, pertumbuhan ekonomi yang perlahan dan peningkatan bilangan syarikat yang diturunkan penarafan atau diletakkan dalam senarai pemerhatian. Ini menyebabkan *spread* bagi kadar hasil PDS bertaraf kredit AAA dan A1/A+ meningkat dalam lingkungan 67.3 mata asas hingga 271.9 mata asas berbanding SKM 5-tahun pada akhir Julai 2009 (akhir 2008: 148.1 mata asas; 354.2 mata asas). Peningkatan kadar hasil lebih ketara untuk sekuriti bertaraf rendah dan mula menurun menjelang akhir Julai 2009 lanjutan daripada sentimen di pasaran PDS semakin baik.

FBM KLCI mengukuh...

Pasaran ekuiti tahun 2009 bermula dengan sentimen pelabur yang lemah dan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) ditutup serendah 838.39 mata pada 12 Mac 2009. Sentimen pasaran bertambah baik pada pertengahan Mac disokong oleh harga CPO yang lebih kukuh dan pengumuman pakej rangsangan kedua. KLCI ditutup 872.55 mata pada akhir suku pertama dan menokok 4.1% sejak 12 Mac tetapi menurun 0.5% berbanding 876.75 mata pada akhir tahun 2008.

JADUAL 5.11

Bursa Malaysia: Penunjuk Indeks Terpilih Januari – Julai

	2008	2009
Indeks harga¹		
Komposit ²	876.75	1,174.90
FBMEMAS	5,726.46	7,919.79
FBM2BRD	4,007.31	5,291.32
FBM-MDQ	3,333.59	4,258.71
Jumlah urus niaga³		
Bilangan (juta unit)	141,097.8	150,410.5
Nilai (RM juta)	289,289.9	162,531.3
Purata urus niaga harian		
Bilangan (juta unit)	575.9	1,037.3
Nilai (RM juta)	1,180.8	1,120.9
Permodalan pasaran ¹ (RM bilion)	663.8	885.8
Permodalan pasaran ¹ /KDNK (%)	89.9	258.3 ⁴
Jumlah syarikat disenaraikan¹	977	957
Papan Utama	634	622
Papan Kedua	221	218
Pasaran MESDAQ	122	117
Mudah tunai pasaran¹		
Nilai urus niaga/permodalan pasaran (%)	43.6	18.3
Penumpuan pasaran¹		
10 saham dengan permodalan pasaran tertinggi/permodalan pasaran (%)	48.5	38.1

¹ Akhir tempoh.

² Berkuat kuasa pada 6 Julai 2009, Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) menggantikan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI).

³ Berdasarkan urus niaga pasaran sahaja semasa tempoh.


⁴ Bagi tempoh separuh pertama 2009.

Sumber: Bursa Malaysia.



CARTA 5.7


Prestasi Bursa Malaysia



¹Akhir tempoh.
Sumber: Bursa Malaysia.

CARTA 5.8


Bursa Malaysia: Permodalan Pasaran¹, Halaju dan Volatiliti



¹Akhir tempoh.
Sumber: Bursa Malaysia.

CARTA 5.9


Prestasi Pasaran Saham Terpilih (Akhir 2008 – 14 Oktober 2009)



Sumber: Bloomberg.

CARTA 5.10


Sumber Dana Modal Teroka



Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

CARTA 5.11


Kadar Hasil Indikator Sekuriti Kerajaan Malaysia¹ (SKM)



¹Akhir tempoh.
Sumber: Fully Automated System for Issuing/Tendering (FAST), Bank Negara Malaysia.

CARTA 5.12

Kadar Hasil Sekuriti Hutang Swasta (PDS) 5-Tahun¹



¹Akhir tempoh.
Sumber: Fully Automated System for Issuing/Tendering (FAST), Bank Negara Malaysia.



Sentimen pelabur bertambah baik pada suku kedua disokong keyakinan bahawa ekonomi global dan domestik akan pulih. Pasaran menyambut baik pengumuman langkah liberalisasi dalam sektor perkhidmatan kewangan dan deregulasi garis panduan FIC. KLCI melonjak 202.69 mata atau 23.2% kepada 1,075.24 mata pada akhir Jun 2009 (akhir Mac 2009: 872.55 mata). Pada 6 Julai 2009, Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) yang terdiri daripada 30 syarikat dengan nilai permodalan pasaran terbesar telah menggantikan KLCI yang mempunyai 100 syarikat komponen sebagai indeks tanda aras. FBM KLCI ditutup 1,246.84 mata pada 14 Oktober 2009 merupakan paras tertinggi dengan kenaikan 370.09 mata atau 42.2% berbanding awal tahun. Prestasi pasaran saham utama dan serantau juga bertambah baik sejak awal tahun.

Jumlah urus niaga di Bursa Malaysia melonjak 63.7% kepada 150.4 bilion unit dalam tempoh tujuh bulan pertama 2009 (Januari – Julai 2008: 91.9 bilion unit). Purata urus niaga harian meningkat 66.7% kepada satu bilion unit (Januari – Julai 2008: 0.6 bilion unit). Bagaimanapun, jumlah nilai urus niaga pasaran berkurang 20.9% kepada RM162.5 bilion (Januari – Julai 2008: RM205.4 bilion) sementara nilai permodalan pasaran bertambah 33.4% kepada RM885.8 bilion pada akhir Julai 2009 (akhir 2008: RM663.8 bilion). Sentimen pasaran yang bertambah baik meningkatkan penglibatan runcit kepada 36.0% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2009 berbanding 24.0% bagi keseluruhan tahun 2008. Halaju pasaran kekal pada 37.0% manakala volatiliti pasaran menurun kepada 15.0% dalam tempoh yang sama (2008: 37.0%; 21.6%).

Dana yang diperoleh melalui tawaran awam awal (IPO) kurang menggalakkan dengan hanya empat syarikat domestik menjana RM216.8 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama 2009. Pemerolehan dana melalui terbitan hak melibatkan jumlah yang lebih besar sebanyak RM11.3 bilion. Usaha untuk menarik penyenaaraan asing di Bursa Malaysia telah memperlihatkan dua syarikat asing disenaraikan. Ini menjadikan jumlah syarikat tersenarai sebanyak 957 pada akhir Julai 2009 dan merupakan antara yang tertinggi di rantau

ini. Walaupun lapan syarikat telah menswastakan saham mereka dalam tempoh tersebut, kesannya adalah minimum dengan penyusutan kira-kira RM2.7 bilion atau 0.3% daripada permodalan pasaran pada akhir Julai 2009.

Antara inisiatif yang diperkenalkan untuk memastikan pasaran modal Malaysia kekal sebagai platform yang menarik bagi syarikat tempatan dan asing adalah penggabungan Papan Utama dan Kedua kepada satu papan tunggal dikenali sebagai Pasaran Utama. Selain itu, Pasaran *Malaysian Exchange of Securities Dealing and Automated Quotation* (MESDAQ) ditransformasi kepada pasaran alternatif dikenali sebagai *Pasaran Access, Certainty and Efficiency* (ACE). Syarat ekuiti Bumiputera bagi syarikat tersenarai awam juga dimansuhkan.

Di peringkat serantau, lima bursa ASEAN dari Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand telah menandatangani satu MoU pada 23 Februari 2009 bagi menubuhkan rangkaian perdagangan elektronik ASEAN. Rangkaian melalui pusat akses tunggal ini akan membolehkan dagangan rentas sempadan antara negara ASEAN dan menarik dana antarabangsa ke ASEAN. Pada 15 September 2009, Viet Nam telah menyertai pakatan serantau ini. Selain itu, Malaysia, Singapura dan Thailand telah melaksanakan Skim Standard ASEAN dan Tambahan pada 12 Jun 2009 untuk mempermudah tawaran ekuiti dan sekuriti hutang pelbagai bidang kuasa di rantau ini.

Niaga hadapan CPO meneraju dagangan...

Pasaran derivatif mencatatkan pertumbuhan dagangan 5.3% kepada 3.8 juta kontrak dalam tempoh tujuh bulan pertama 2009 (Januari – Julai 2008: -3.3%; 3.6 juta kontrak). Urus niaga didominasi oleh niaga hadapan CPO mencakupi 61.4% daripada jumlah keseluruhan diikuti oleh niaga hadapan FBM KLCI sebanyak 36.3% manakala dagangan instrumen derivatif yang lain kurang signifikan.

Jumlah dagangan niaga hadapan CPO melonjak 39.5% kepada 2.3 juta kontrak (Januari – Julai 2008: -3.0%; 1.7 juta kontrak) akibat penurunan



pengeluaran minyak sawit berikutan hasil buah tandan segar yang rendah dan aktiviti penanaman semula. Seajar dengan penurunan harga minyak mentah pada tahun 2009, harga purata tanda aras niaga hadapan CPO 3-bulan merosot kepada RM2,177 setan (Januari – Julai 2008: RM3,484 setan). Dagangan di pasaran niaga hadapan FBM KLCI menurun 23.6% kepada 1.4 juta kontrak (Januari – Julai 2008: -2.0%; 1.8 juta kontrak). Ini seiring dengan prestasi KLCI yang kurang menggalakkan pada suku pertama namun kembali pulih pada suku kedua.

Pertumbuhan mapan unit amanah...

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2009, **industri unit amanah** menyaksikan 26 dana baru dilancarkan dan menjadikan jumlah keseluruhan kepada 541 dana (akhir 2008: 532 dana). Bilangan akaun meningkat 8.0% dan unit dalam edaran 10.8% (akhir 2008: 6.4%; 13.5%). Seajar

dengan prestasi KLCI yang semakin baik, nilai aset bersih (NAV) bagi industri unit amanah meningkat 37.5% kepada RM179.4 bilion dan mewakili 20.3% daripada permodalan pasaran Bursa Malaysia (akhir 2008: -23.0%; RM130.4 bilion; 19.7%).

Dana ekuiti mencatatkan jualan tertinggi pada RM12.0 bilion berbanding bon dan dana pendapatan tetap sebanyak RM653.0 juta dalam tempoh separuh pertama 2009. Ini disebabkan oleh jualan tambahan Amanah Saham Malaysia sebanyak 3.3 bilion unit dan Amanah Saham Wawasan 2020 berjumlah 2.0 bilion unit pada bulan April 2009.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2009, 17 dana baru dilancarkan bagi pelaburan dalam pasaran asing dengan 10 dana telah melabur RM166.4 juta. Sungguhpun liberalisasi membenarkan pelaburan di luar negara sehingga 50% daripada NAV dana pemastautin sejak April 2007, pelaburan oleh 192 dana masih kecil iaitu 9.2% daripada NAV industri atau sebanyak RM16.5 bilion pada akhir Julai 2009.

Industri amanah pelaburan harta tanah (REIT)

merekodkan pertumbuhan memberangsangkan dengan jumlah dagangan meningkat 33.4% kepada 448.0 juta unit dan nilai dagangan 16.2% kepada RM418.0 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama 2009 (Januari – Julai 2008: 335.7 juta unit; RM359.8 juta). Permodalan pasaran REIT meningkat 14.1% kepada RM4.6 bilion pada akhir Jun 2009 (akhir 2008: RM4.0 bilion).

Dana VC meningkat...

Industri modal teroka (VC) kekal sebagai sumber pembiayaan alternatif yang penting kepada ekonomi terutamanya bagi sektor teknologi maklumat dan komunikasi serta sains hayat. Pada akhir Jun 2009, terdapat 108 syarikat modal teroka (VCC) dan syarikat pengurusan modal teroka (VCMC). Jumlah dana pelaburan berkembang 38.0% kepada RM4.6 bilion pada akhir tahun 2008 (akhir 2007: RM3.3 bilion). Agensi Kerajaan kekal sebagai penyumbang terbesar sumber dana VC berjumlah RM2.2 bilion atau 47.9% daripada

JADUAL 5.12

Industri Unit Amanah: Penunjuk Terpilih

	Akhir 2008	Akhir Julai 2009
Jumlah syarikat pengurusan unit amanah	39	38
Jumlah dana unit amanah ¹	532	541
Konvensional	392	398
Islam	140	143
Unit dalam edaran (juta)	236,392	261,912
Bilangan akaun (juta)	13.05	14.09
Jumlah aset bersih (NAV) (RM juta)	130,436	179,398
Konvensional	114,318	158,681
Islam	16,118	20,717
NAV/Permodalan pasaran Bursa Malaysia (%)	19.7	20.3

¹ Merujuk kepada dana yang telah dilancarkan.

Sumber: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.



Langkah Utama Pasaran Modal

Memperkukuh pasaran modal...

Beberapa langkah telah diambil dalam tempoh sembilan bulan pertama 2009 bagi mempertingkatkan pasaran modal, seperti berikut:

Mempermudah Akses ke Pasaran Modal

- Pada 16 Mac, langkah baru telah diperkenalkan untuk mengurangkan masa-ke-pasaran bagi membantu syarikat untuk memperoleh dana daripada pasaran modal seperti yang berikut:
 - Semakan terma dan syarat bagi bon dan sukuk tidak lagi memerlukan kelulusan Suruhanjaya Sekuriti (SC);
 - Bon dan sukuk boleh tukar dikecualikan daripada keperluan penarafan kredit mandatori;
 - Terbitan hak dan terbitan/tawaran sekuriti ekuiti oleh syarikat awam tidak tersenarai dikecualikan daripada mendapatkan kelulusan SC; dan
 - Kod Pengambilan Kod Pengambilalihan dan Percantuman Malaysia 1998 tidak lagi terpakai kepada syarikat sendirian berhad.

Mempertingkatkan Kecairan dan Kecekapan Pasaran

- Pada 8 Mei, SC dan Bursa Malaysia telah melancarkan satu rangka kerja baru bagi penyenaraian dan penajaan dana ekuiti. Ini bertujuan memudahkan akses yang lebih cekap bagi modal dan pelaburan serta menjadikan Bursa Malaysia sebagai sebuah platform yang lebih menarik bagi syarikat tempatan dan asing. Rangka kerja baru yang berkuat kuasa mulai 3 Ogos 2009 melibatkan perkara berikut:
 - Penggabungan Papan Utama dan Papan Kedua kepada satu papan tunggal dikenali sebagai Pasaran Utama manakala Pasaran *Malaysian Exchange of Securities Dealing and Automated Quotation* (MESDAQ) ditukarkan kepada Pasaran *Access, Certainty and Efficiency* (ACE);
 - Kelulusan SC hanya diperlukan bagi tawaran awam awal, pemerolehan melalui pengambilalihan songsang dan penyenaraian pintu belakang, penyenaraian sekunder dan penyenaraian silang serta pemindahan penyenaraian daripada Pasaran ACE ke Pasaran Utama; dan
 - Cadangan korporat lain yang berasaskan ekuiti seperti pemerolehan, pelupusan, penempatan sekuriti, tawaran hak dan terbitan waran tidak lagi memerlukan kelulusan SC.
- Pada 11 Mei, Bursa Malaysia telah mengumumkan rangka kerja penggerak pasaran untuk dana dagangan bursa (ETF) dan Waran Berstruktur bagi menambah baik kecairan pasaran ekuiti. Rangka kerja penggerak pasaran yang formal menggantikan amalan penggerak pasaran bebas serta membolehkan penyertaan penggerak asing pasaran.
- Pada 11 Jun, semakan semula Garis Panduan Dana Dagangan Bursa dikeluarkan bagi membenarkan ETF dari bidang kuasa yang diiktiraf disenarai silang di Bursa Malaysia.
- Pada 6 Julai, Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia (FBM KLCI) yang terdiri daripada 30 syarikat dengan permodalan pasaran terbesar telah menggantikan Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) yang mempunyai 100 syarikat komponen sebagai indeks tanda aras.
- Pada 13 Julai, Bursa Malaysia telah memperkenalkan rangka kerja sekuriti pelbagai mata wang asing bagi menyokong penyenaraian, dagangan, penjelasan dan penyelesaian sekuriti bukan ringgit.
- Pada 3 Ogos, struktur saiz *tick* ekuiti dan ETF yang lebih kecil dilaksanakan bagi mewujudkan kedalaman pasaran, membolehkan penemuan harga dan meningkatkan kecairan.



- Pada 3 Ogos, penangguhan dagangan saham bagi tujuan penyebaran pengumuman penting oleh syarikat tersenarai telah disingkatkan daripada satu sesi dagangan kepada satu jam.
- Pada 4 Ogos, Transaksi Perundingan Pinjam Meminjam Sekuriti dan semakan semula Garis Panduan Pinjam Meminjam Sekuriti telah diperkenalkan bagi memudahkan urusan pinjam-meminjam berasaskan atas kaunter.

Memperkukuh Pasaran Modal Islam

- Pada 9 Ogos, SC mengeluarkan Garis Panduan Pendaftaran Penasihat Syariah bagi memudahkan individu dan syarikat menyediakan nasihat mengenai produk dan perkhidmatan pasaran modal Islam melalui pendaftaran tunggal.
- Pada 17 Ogos, Bursa Suq Al-Sila' yang merupakan platform dagangan komoditi patuh Syariah pertama di dunia telah dilancarkan. Ia mempermudah pembiayaan Islam berasaskan komoditi dan urus niaga pelaburan.

Memperkukuh Industri Pengurusan Dana

- Pada 18 Februari, SC telah mengeluarkan Garis Panduan Mengenai Dana Borong dan Garis Panduan Mengenai Dana Unit Amanah untuk memberikan lebih fleksibiliti kepada pengurus dana yang berlesen bagi memperkenalkan produk inovatif.

Mempromosi Industri Modal Teroka

- Pada 28 September, Garis Panduan Insentif Cukai Modal Teroka telah dikeluarkan untuk menambah baik insentif cukai kepada syarikat modal teroka (VCC) dan syarikat pengurusan modal teroka (VCMC), termasuk:
 - VCC layak untuk pengecualian cukai bagi tempoh 10 tahun taksiran sekiranya mereka melabur sekurang-kurangnya 70% daripada dana mereka dalam modal semai, permulaan dan/atau pembiayaan peringkat awal atau sekurang-kurangnya 50% daripada dana mereka dalam modal semai ke dalam syarikat-syarikat pelaburan yang layak; dan
 - VCMC boleh menikmati pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diperoleh daripada perjanjian perkongsian keuntungan antara VCMC dan VCC.

Mempertingkatkan Perlindungan Pelabur

- Pada 8 Mei, pindaan Keperluan Penyenaraian telah dibuat yang antara lain bertujuan meningkatkan keperluan laporan penilaian harta tanah, mewajibkan setiap syarikat tersenarai untuk mempunyai laman web, mempercepat jangka masa bagi penggantungan dagangan sekuriti dan memendekkan notis bagi urusan di luar tempoh tamat.
- Pada 22 Jun, SC mengeluarkan satu pekeliling kepada pengurus dana bagi menyediakan penjelasan terhadap pihak yang boleh bertindak sebagai kustodian aset asing serta peranan kustodian dalam melindungi aset klien.



jumlah keseluruhan dana (akhir 2007: RM1.2 bilion; 35.7%). Jumlah pelaburan VC meningkat 8.1% kepada RM1.9 bilion pada tahun 2008 (2007: 54.0%; RM1.8 bilion). Sebahagian besar daripada dana berjumlah RM477.0 juta dilaburkan dalam syarikat di peringkat pengembangan dan pertumbuhan sebanyak 62.7% dan syarikat di peringkat permulaan 17.4%.

Prospek 2010

Dasar monetari kekal menyokong...

Ekonomi Malaysia dijangka bertambah baik pada tahun 2010 dengan pertumbuhan antara 2.0% hingga 3.0% disokong oleh permintaan domestik yang kukuh dan langkah fiskal serta pemulihan

ekonomi global. Inflasi dijangka meningkat dengan sederhana sejajar dengan kenaikan harga komoditi global. Dasar monetari kekal menyokong pertumbuhan dan akan ditentukan berdasarkan penilaian perkembangan domestik dan antarabangsa serta implikasi terhadap pertumbuhan ekonomi dan kestabilan harga.

Pembiayaan sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal dijangka meningkat seiring dengan momentum pertumbuhan ekonomi. Langkah liberalisasi sektor kewangan akan meningkatkan tarikan dan daya saing pasaran kewangan dan modal Malaysia. Selain itu, cadangan skim pencen swasta akan membolehkan lebih banyak simpanan disalurkan melalui pasaran modal serta menyediakan skim simpanan persaraan tambahan.

